



BAHAGIAN SEKOLAH  
 JABATAN SEKOLAH  
 KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
 ARAS 3 DAN 4, BLOK E2, KOMPLEK KERAJAAN PARCEL E  
 PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
 62604 PUTRAJAYA

Tel : 03-88849350

Fax : 03-88888673

Laman-web : <http://www.moe.gov.my>

KP(BS/PSR)8502/14/006 (11)  
 14 Januari 2008

Semua Pengarah Bahagian  
 Kementerian Pelajaran Malaysia

Semua Pengarah Pelajaran  
 Jabatan Pelajaran Negeri

YBhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,


**PERMOHONAN GURU CEMERLANG BAGI GRED JAWATAN DG48 KE BAWAH BAGI  
 TAHUN 2008**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas dan surat KP(BS/PSR)8502/14/006 (7) bertarikh 10 Disember 2007 adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa tarikh tutup permohonan guru cemerlang bagi gred jawatan DG48 ke bawah adalah 14 Januari 2008 dan 4 Februari 2008. Sehubungan itu, pihak Jabatan Pelajaran Negeri perlu menetapkan tarikh tutup permohonan bagi negeri masing-masing.

3. Bersama ini dilampirkan perkara-perkara berikut.

- 3.1 Borang permohonan calon guru cemerlang GC/DGA32/DGA34/DG44 /DG48-A
- 3.2 Borang penilaian calon guru cemerlang:
  - i. GC/DGA32/DGA34/DG44/DG48- B (Instrumen Penilaian Borang)
  - ii. GC/DGA32/DGA34/DG44/DG48- C (Instrumen Pemantauan Guru Akademik/Guru media/guru perpustakaan)
  - iii. GC/DGA32/DGA34/DG44/DG48- D (Instrumen Pemantauan Guru Bimbingan /Guru Kaunseling)
- 3.3
  - i. Panduan Penilaian Borang
  - ii. Panduan Pemantauan Calon Guru Cemerlang (Guru Akademik/guru media/guru perpustakaan)
  - iii. Panduan Pemantauan Calon Guru Cemerlang (Guru Bimbingan/ Guru Kaunseling)




4. Sokongan dan kerjasama YBhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan diucapkan terima kasih. Sebarang pertanyaan berkaitan mesyuarat ini boleh berhubung dengan En.Suratno Bin Parmin di talian 03-88849500.

Sekian.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menurut perintah,



**ASHAH BINTI SAMAN**  
Timbalan Pengarah (Pengurusan Sekolah)  
b.p Pengarah  
Bahagian Sekolah

Sk. Pengarah

**PANDUAN PERMARKAHAN BAGI BORANG GC/DGA32/DGA34/DG44/DG48-A  
(Menggunakan Borang GC/DGA32/DGA34/DG44/DG48-B)**

**ARAHAN**

Permarkahan hanya diberi kepada item 19, 20 dan 21 sahaja pada borang permohonan. Markah penuh bagi penilaian borang permohonan adalah 30%.

19. Pengalaman mengajar mata pelajaran/bidang dipohon sehingga tarikh permohonan  
\_\_\_\_\_ tahun \_\_\_\_\_ bulan.

Pengalaman mengajar mata pelajaran/ bidang dipohon	Skor
3 - 4 tahun	2
5 - 6 tahun	4
7 - 8 tahun	6
9 - 10 tahun	8
Lebih daripada 10 tahun	10

20. Pengalaman mengajar mata pelajaran/ bidang yang dipohon bagi tiga tahun  
kebelakangan

Bilangan waktu mengajar mata pelajaran dipohon	Skor
2 - 6 waktu	2
7 - 10 waktu	4
11 - 14 waktu	6
15 - 18 waktu	8
Lebih daripada 18 waktu	10

21. Anugerah/Penghargaan/Surat Kepujian yang diterima bagi tiga tahun kebelakangan.

Peringkat Pencapaian	Skor
Sekolah	1
Daerah	2
Negeri	3
Kebangsaan	4
Antarabangsa	5

Skor keseluruhan adalah jumlah skor terkumpul (kumulatif) bagi kesemua peringkat pencapaian. Walaupun calon mendapat skor lebih daripada 5, calon hanya mendapat skor maksimum 5.

**CONTOH PEMBERIAN MARKAH.**

1. Ali

Bil	Anugerah/Penghargaan/ Surat Kepujian	Tahun
1.	Penghargaan sebagai penceramah di SMK	2005
2.	Penghargaan sebagai penceramah bagi daerah Rompin	2005
3.	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Negeri Puhang	2006

Ali mendapat : 1 markah – peringkat sekolah  
 2 markah – peringkat daerah  
 3 markah – peringkat negeri

JUMLAH  MARKAH, skor yang diberikan adalah 5, markah maksimum 5.

2. Abu

Bil	Anugerah/Penghargaan/ Surat Kepujian	Tahun
1.	Penghargaan sebagai penceramah di SMK B	2005
2.	Penghargaan sebagai penceramah di SMK B	2005
3.	Penghargaan sebagai penceramah di SMK B	2006
4.	Penghargaan sebagai penceramah di SMK B	2006
5.	Penghargaan sebagai penceramah di SMK B	2007

Markah Abu = 5 (1 markah X 5 kali penghargaan di sekolah)

22. Bahan yang dihasilkan untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (seperti bahan multimedia, modul dan garis panduan pembelajaran pelajar).

Peringkat Pencapaian	Skor
Sekolah	11
Daerah	12
Negeri	13
Kebangsaan	14
Antarabangsa	15

Skor diberikan mengikut peringkat pencapaian tertinggi calon.

**CONTOH PEMBERIAN MARKAH.**

1. Ali

Bil	Tejuk	Tahun	Kumpulan Sasaran
1.	Modul matematik – topik pecahan	2005	Pelajar Tingkatan 1 di sekolah
2.	Ajar bantu mengajar untuk sains	2006	Pelajar peringkat daerah

Ali mendapat : peringkat sekolah - 11 markah  
 peringkat daerah - 12 markah

Skor Ali bagi bahagian ini ialah 12 markah (Skor diberikan pada peringkat pencapaian tertinggi).

**PANDUAN PEMANTAUAN CALON GURU CEMERLANG  
(GC/DGAS2/DGAS4/DG44/DG48-C)  
GURU AKADEMIK/GURU MEDIA/GURU PERPUSTAKAAN**

1 <b>PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN : 80 MARKAH</b>			
	<b>ASPEK</b>	<b>PENERANGAN</b>	<b>MARKAH</b>
<b>A</b>	<b>Rancangan Pelajaran</b>	<p>Menyediakan :</p> <p>a. Rancangan Pelajaran Tahunan yang cukup cakap serta terkini.</p> <p>b. Rancangan Pelajaran Harian yang mengandungi objektif, aktiviti dan penilaian sendiri berdasarkan tahap keupayaan pelajar.</p>	10
<b>B</b>	<b>Pelaksanaan Pengajaran dalam bilik darjah</b>	a. Set Induksi menarik dan merangsang minda pelajar	10
		<p>b. Penyampaian/Perkembangan pelajaran dilaksanakan mengarah kepada objektif dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• menggunakan kaedah/ teknik dan bahan bantu yang relevan, menarik dan berkesan</li> <li>• menilai secara berterusan dalam pengajaran dan pembelajaran</li> <li>• membuat penegasan</li> <li>• latihan pengukuhan (lisan/ tulisan/amali)</li> </ul>	40
		<p>a. Penutupan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• merumus/ menilai objektif pengajaran dengan berkesan</li> </ul>	10
<b>C</b>	<b>Pengurusan Kelas</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• suasana kelas kondusif</li> <li>• pelajar bersedia dan aktif dalam pembelajaran.</li> <li>• latihan diperiksa/dinilai dan pembetulan dilakukan.</li> </ul>	10
<b>2</b>	<b>PERSONALITI GURU</b>		
	Guru sentiasa berpakaian sesuai dan kemas, menepati masa, meera, mudah didekati, prihatin dan berifat terbuka		10
<b>3</b>	<b>KEMAHIRAN INTERPERSONAL</b>		
	Guru memperlihatkan hubungan yang baik dan bersedia untuk membantu rakan sejawat, staf sokongan dan pentadbir.		10
	<b>MARKAH PENUH</b>		100

**PANDUAN PEMANTAUAN CALON GURU CEMERLANG  
(GC/DGA32/DGA34/DG44/DG48- D)  
GURU BIMBINGAN DAN GURU KAUNSELING**

<b>1 PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING : 75 MARKAH</b>			
	<b>ASPEK</b>	<b>PENERANGAN</b>	<b>MARKAH</b>
<b>A</b>	<b>Pengurusan Khas</b>	Menyediakan :  a. Rancangan Tahunan dan Harian yang terkini b. Pentadbiran dan Pengurusan Bilik Kaunseling yang kondusif dan terapeutik c. Sistem fail yang kemas dan teratur	15
<b>B</b>	<b>Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling</b>	a. Pelaksanaan kaunseling individu dan kaunseling kelompok	20
		b. Membuat laporan perkhidmatan kaunseling individu dan kaunseling kelompok	
		c. Melaksanakan program kerjaya d. Melaksanakan program psikososial e. Melaksanakan program pendidikan pencegahan dadah/HIV/AIDS f. Melaksanakan program kalubapaan g. Melaksanakan program pembangunan diri murid	20
		h. Melaksanakan inventori personaliti, minat kerjaya, nilai, senarai semak masalah murid dll	10
<b>C</b>	<b>Pengurusan Kelab dan Persatuan</b>	a. Pengurusan Pembimbing Rakan Sebaya/Pengurusan Kelab Bimbingan dan Kerjaya	10
<b>2</b>	<b>PERSONALITI GURU</b>	Guru sentiasa berpakaian sesuai dan kemas, menepati masa, mesra, mudah didekati, prihatin dan bersifat terbuka	10
<b>3</b>	<b>KEMAHIRAN INTERPERSONAL</b>	Guru memperhatikan hubungan yang baik dan bersedia untuk membantu rakan sejawat, staf sokongan dan pentadbir.	10
<b>4</b>	<b>SUMBANGAN</b>	Guru memberikan sumbangan di peringkat Kebangsaan/ Negeri/ Daerah	5
<b>MARKAH PENUH</b>			<b>100</b>

## Senarai Semak Permohonan Guru Cemerlang

Semak borang – lengkap dengan dokumen sokongan: -

1. Kad Pengenalan – (semak nama dan no. k/p)
  2. Tarikh Lantikan Jawatan Tetap (Pertama dan Semasa)
  3. Tarikh Sah dalam jawatan
  4. Tarikh Kenaikan Pangkat
  5. Kelulusan Pengisytiharan harta terkini – (5 tahun – 2003)
  6. Kelulusan Tapisan Keutuhan BPR ( Lampiran T1 )
  7. Laporoan Nilai Prestasi Tahunan ( LNPT) 3 tahun terakhir
  8. Lampiran Surat Akuan Pinjaman Pendidikan Institusi / Tabung Pendidikan (Pinjaman Tegar)
  9. Keputusan PTK atas gred sekarang
  10. Surat Kenyataan Tatatertib
- } semak SMS